

20/10/2002

MCA tentang cadangan (HL)

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Pusat MCA sebulat suara memutuskan untuk menentang cadangan kerajaan menggunakan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di semua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina bermula tahun depan.

Badan pembuat keputusan tertinggi parti itu menyatakan pendirian paling jelas kelmarin, empat hari sebelum Majlis Tertinggi Barisan Nasional mengadakan mesyuarat, Selasa depan.

Difahamkan, dalam mesyuarat tertutup selama dua jam itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang mula-mula bercakap, berkata beliau bersetuju untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Bagaimanapun, difahamkan Menteri Pengangkutan itu berkata, ia tidak sepatutnya dilakukan dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara kecuali bagi mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris itu sendiri.

Dr Ling juga mencadangkan penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik bermula hanya pada peringkat sekolah menengah.

Bagaimanapun, ketika ditemui pemberita di Penampang, Sabah, semalam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, program itu akan diteruskan sambil memberi jaminan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah tidak akan mengubah identiti dan ciri sekolah jenis kebangsaan yang ada.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mempunyai niat sama sekali untuk mengubah ciri dan identiti sekolah jenis kebangsaan dengan melaksanakan langkah berkenaan.

Malah, katanya, sekolah jenis kebangsaan sama ada Cina atau Tamil, akan terus wujud di negara ini buat selama-lamanya.

Cadangan supaya kedua-dua mata pelajaran utama itu diajar dalam bahasa Inggeris dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Umno, Jun lalu.

Ia kemudian disusuli dengan pengumuman Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, supaya cadangan itu dilaksanakan untuk murid-murid Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Enam Rendah di semua sekolah kebangsaan, mulai tahun depan.

Belum ada sebarang keputusan membabitkan pelaksanaannya pada peringkat sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, berikutan pelbagai bantahan keras terutama daripada pergerakan pendidikan Cina seperti Dong Jiao Zhong.

MCA sebagai parti komponen kedua terbesar BN, sebelum ini tidak membuat sebarang pendirian mengenai isu ini. Malah Dr Ling, seorang yang memiliki latar belakang aliran Inggeris, enggan membuat sebarang komen dan sering berkata ia boleh `dibincangkan di luar gelanggang media'.

Pada mesyuarat MCA kelmarin, difahamkan Dr Ling meminta semua ahli jawatankuasa yang hadir memberi pandangan masing-masing terhadap isu ini.

Difahamkan juga, semua yang hadir bersetuju dengan Dr Ling bahawa bahasa Inggeris tidak digunakan sebagai bahasa pengantar, dengan beberapa ahli jawatankuasa mencadangkan supaya buku teks dwi bahasa digunakan untuk mengajar Sains dan Matematik di sekolah rendah.

Daripada 42 ahli jawatankuasa, 14 tidak hadir termasuk Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek, yang sedang bercuti di Australia dan Naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng, yang berada di China.

Difahamkan juga, Dr Ling akan menyampaikan keputusan Majlis Tertinggi MCA itu pada mesyuarat Majlis Tertinggi BN Selasa ini.

Pada Mesyuarat Agung MCA 27 Julai lalu, Setiausaha Agung, Datuk Dr Ting Chew Peh, ketika menjawab soalan perwakilan dilaporkan sebagai berkata bahawa MCA akan terus mempertahankan ciri-ciri Sekolah Cina.

Pada Ogos lalu pula, parti BN lain yang turut mempunyai ahli bangsa Cina, Gerakan, Parti Progresif Sabah, Parti Demokratik Liberal dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak, berkata mereka mencapai pendirian yang sama mengenai isu ini, namun enggan mengumumkan apakah pendirian berkenaan.

Setakat ini, hanya parti Gerakan membuat pendirian dengan membuat cadangan balas supaya bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, hanya diajar pada peringkat sekolah menengah.

Di samping itu, ia mencadangkan supaya terminologi Inggeris turut diperkenalkan dalam buku teks bagi kedua-dua mata pelajaran mulai Tahun Empat, dengan beberapa buku teks dwi bahasa digunakan untuk pelajar Tahun Lima dan Enam.

Sebaliknya, Umno memberi sokongan padu terhadap cadangan Dr Mahathir itu dan pemimpin-pemimpinnya sependapat bahawa langkah itu perlu bagi meletakkan Malaysia setaraf dengan negara maju lain.